

**Perhimpunan: Alasan Tidak Punya Masa Untuk Tukar Venue Tidak Munasabah Bernama
26 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Alasan pengajur perhimpunan Sabtu ini bahawa mereka kesuntukan masa untuk menukar venue dari Dataran Merdeka ke stadium-stadium sekitar bandar raya ini adalah tidak munasabah, kata sebuah badan bukan kerajaan (NGO).

Presiden Pertubuhan Agenda Sosial Media 1Malaysia (1AGENDA) Zul Azhar Cha berkata mereka seharusnya mudah mewar-warkan perubahan venue kerana kebanyakan mereka menggunakan laman interaktif seperti Twitter, Facebook dan blog mengenai perhimpunan itu.

"Saya yakin mereka mempunyai niat buruk untuk dijadikan modal atau isu bagi memudahkan kempen mereka menjelang Pilihan Raya Umum ke-13, kerana menyedari mereka sudah ketandusan isu yang boleh menidakkan sokongan rakyat yang semakin meningkat kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya dalam satu kenyataan di sini hari Khamis.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menawarkan tiga buah stadium iaitu Stadium Badminton dan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur di Cheras serta Stadium Titiwangsa di Taman Tasik Titiwangsa.

Sementara itu pemilik Stadium Merdeka, Merdeka Heritage Trust juga turut sedia mempertimbangkan permohonan penggunaan stadium itu serta Perbadanan Stadium Malaysia turut menawarkan Stadium Nasional Bukit Jalil.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662158>